

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 09.07.2025 MASA: 5.30PM  
**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PELUNCURAN PENANAMAN POKOK PINANG  
BERSEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA TAHUN  
2025**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**12 JULAI 2025 (SABTU)  
9.00 PAGI**

**TAMAN BANDARAYA VISION PARK  
SEBERANG PERAI UTARA**

## **Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

- 1. Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu**  
EXCO Perumahan dan Alam Sekitar
  
  - 2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  
  - 3. Yang Berusaha Encik LAr. Shaqhrony Bin Md Yusoff @  
Jamaludin**  
Pengarah Lanskap Merangkap Penyelaras Program  
Peluncuran Penanaman Pokok Pinang Bersempena Hari  
Lanskap Negara Tahun 2025
  
  - 4. Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik**
  
  - 5. Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  
  - 6. Rakan-Rakan Media**
  
  - 7. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**
-

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini bagi menjayakan **Majlis Peluncuran Penanaman Pokok Pinang Bersempena Hari Lanskap Negara Tahun 2025.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Perai, atas kesudian Yang Berhormat hadir untuk merasmikan majlis peluncuran yang cukup bermakna buat warga Seberang Perai dan negeri Pulau Pinang keseluruhannya.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan saya ucapkan kepada semua hadirin yang hadir pada pagi ini; wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan, rakan-rakan strategik; warga kerja MBSP serta komuniti setempat yang sama-sama turun padang bagi menzahirkan komitmen dalam menjayakan program yang berorientasikan kelestarian ini.

4. Majlis hari ini merupakan kesinambungan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2025 yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo sendiri. Dalam mesyuarat tersebut, antara lain telah dipersetujui agar setiap agensi di seluruh negeri Pulau Pinang mengambil langkah proaktif dengan menanam pokok pinang di kawasan masing-masing walaupun dalam bilangan yang kecil sebagai simbolik kepada identiti negeri ini.
5. Justeru, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengambil tanggungjawab penuh untuk menterjemah aspirasi ini dengan menganjurkan program peluncuran ini secara rasmi, dengan kerjasama erat Pejabat EXCO Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang. Inisiatif ini merupakan antara pelbagai langkah strategik MBSP selaras dengan komitmen di bawah Pelan Strategik MBSP 2023–2030, terutamanya dalam bidang pembangunan hijau dan persekitaran yang lestari.
6. Pokok pinang bukan sekadar tumbuhan landskap; ia adalah lambang identiti dan warisan negeri Pulau Pinang. Justeru, penanaman pokok ini merupakan satu usaha simbolik yang besar maknanya dalam memartabatkan semula nilai sejarah dan asal usul nama negeri kita, Pulau Pinang.

7. Dalam konteks yang lebih luas, program ini juga mendukung matlamat Penang2030: *A Family-Focused Green and Smart State That Inspires the Nation*, dengan memberi fokus kepada aspek keseimbangan pembangunan fizikal dan kelestarian alam sekitar.
8. Objektif utama program ini amat jelas dan bermakna:
- a. Untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap pentingnya pemuliharaan alam sekitar.
  - b. Untuk menghijaukan persekitaran bandar dan desa yang kian terhimpit oleh pembangunan pesat.
  - c. Untuk menonjolkan warisan negeri melalui simbol pokok pinang.
  - d. Untuk menyokong agenda kelestarian, termasuk pengurangan jejak karbon.
  - e. Untuk menggalakkan penglibatan komuniti agar merasai tanggungjawab bersama dalam menjaga bumi kita.
  - f. Dan akhirnya, untuk mananam nilai cinta terhadap alam dalam sanubari rakyat dari pelbagai lapisan.
9. Saya amat yakin bahawa majlis seperti ini bukan sekadar acara rasmi, tetapi menjadi titik mula kepada gerakan penghijauan secara berterusan dan menyeluruh di Seberang Perai. MBSP akan terus komited untuk memperluas inisiatif ini ke lokasi strategik seperti rizab

sungai, jalan utama dan kawasan awam, demi melestarikan landskap bandar yang harmoni dan sihat.

10. Sebagai Datuk Bandar Seberang Perai, besar harapan saya agar warga Seberang Perai, baik dalam kapasiti individu, komuniti, mahupun organisasi, tampil bersama menjayakan usaha penanaman pokok pinang ini. Marilah kita jadikan ia sebagai gerakan bersama dan gerakan rakyat demi membentuk persekitaran yang lebih hijau, lebih sejahtera dan lebih beridentiti.
11. Kepada para peserta yang menyertai penanaman pagi ini, saya ucapkan syabas dan tahniah atas semangat dan keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan. Setiap pokok yang kita tanam hari ini bukan hanya akan menghijaukan bumi, tetapi akan menyemai harapan untuk generasi akan datang.
12. Akhir kata, kejayaan majlis ini mencerminkan semangat kebersamaan dan tanggungjawab kolektif dalam menjayakan agenda penghijauan yang lestari, selaras dengan aspirasi negeri dan negara. Semoga usaha kita diberkati dan memberi manfaat yang berpanjangan kepada alam dan masyarakat.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***